

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang Akademik 1991/92

Jun 1992

CSD 402 - Sistem Maklumat Lanjutan

Masa: [3 jam]

ARAHAN KEPADA CALON:

- Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
 - Jawab **SEMUA** soalan.
-

1. (a) Terangkan secara ringkas tentang butir-butir asas teori yang diperkenalkan oleh Henri Fayol, J.D. Mooney, Frederick W. Taylor dan L. Gulick dan Lyndall Urwick.

(25/100)

- (b) Merujuk kepada tugas CSD 402 "ISP untuk BSK", berikan:

- (i) keterangan ringkas tentang CSF
- (ii) berikan 5 CSF BSK mengikut keutamaan

(25/100)

- (c) Kaitkan setiap konsep yang diberikan di bawah ini dengan model (-model) pengurusan. (Sila jawab pada kertas soalan. Setiap jawapan yang salah akan ditolak 2 markah.)

<u>Konsep</u>	<u>Model Pengurusan</u>
---------------	-------------------------

- (i) "Keperluan" _____
- (ii) Output yang optimum melalui pengintegrasian _____
- (iii) OR _____
- (iv) "Saiz kawalan" _____
- (v) Pengelolaan adalah suatu proses logik dan rational _____

(25/100)

- (d) Berikan perbezaan-perbezaan bagi sebutan-sebutan berikut dengan menggunakan jadual.

- (i) EIS dan DSS
- (ii) IRM dan MIS
- (iii) Sistem Pengurusan Maklumat dan Sistem Maklumat Pengurusan
- (iv) Pusat Sumber dan Pusat Komputer
- (v) IT dan IS
- (vi) IR dan DBMS
- (vii) Teori Berperingkat Nolan dan Grid Strategik

(25/100)

2. (a) Dengan menggunakan jadual, berikan perbezaan di antara Sistem Pengurusan MIS berorientasikan klasik dan Sistem Pengurusan MIS berorientasikan sistem.

(40/100)

- (b) Dengan menggunakan carta, terangkan secara ringkas tentang langkah-langkah yang terlibat dalam aktiviti menakrif proses perniagaan dalam kajian BSP.

(60/100)

3. (a) Secara ringkas, bincangkan tentang kesan-kesan 9 perkembangan teknologi IS terhadap bidang MIS.

(50/100)

- (b) Dengan menggunakan contoh, terangkan sebab-sebab teknik pemberat digunakan. (Berikan contoh perbezaan di antara teknik indek dan teknik pemberat.)

(20/100)

- (c) Syarikat ABC ialah sebuah syarikat pengeluaran perkakasan dapur, hasil keluarannya dijual di pasaran tempatan dan juga dieksepot ke seluruh dunia. Syarikat ini mempunyai sebuah Jabatan MIS yang besar dan mempunyai pelbagai penerapan komputer di bidang perakaunan, pengeluaran dan jualan. Di masa-masa lepas syarikat ini telah menghadapi pelbagai masalah yang berkaitan dengan komputer. Dalam jangka masa empat tahun yang lepas, sudah ada lima orang pengurus Jabatan MIS!

Sistem-sistem adalah lambat ataupun ianya tidak dilaksanakan langsung. Pengguna-pengguna di syarikat ini sangat tidak berpuas hati dengan perkhidmatan Jabatan MIS. Laporan selalunya diterima lewat dan mengandungi banyak kesilapan. Kakitangan Jabatan MIS selalunya menyalahkan pengguna-pengguna apabila masalah ini timbul. Komen yang biasa didengar ialah "Pengguna memberikan input lewat. Input yang diterima, datanya mempunyai ralat dan kami terpaksa membetulkannya kemudian pengguna akan marah kerana output diterima lewat".

Sebaliknya, pengguna-pengguna pula berkata, "Kakitangan Jabatan MIS adalah kumpulan yang sangat angkuh di syarikat ini. Apabila kami meminta mereka membuat sesuatu, ada saja alasan yang diberikan untuk menolaknya. Setiap cadangan yang baru akan ditolak; jika sesuatu cadangan itu baik, mereka akan memberikan anggaran kos yang tidak realistik yang tiada siapa pun sanggup membayarnya. Kami rasakan lebih baik tiada komputer langsung".

Presiden syarikat ini telah melantik anda sebagai perunding untuk menyelesaikan masalah ini. Berikan cadangan dan pelan tindakan untuk menyelesaikan masalah ini.

(30 markah)

- oooOooo -